



30 April 2012
30 April 2012
P.U. (A) 119

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (PEMBINAAN DAN PENGGUNAAN) (PINDAAN) 2012

MOTOR VEHICLES (CONSTRUCTION AND USE) (AMENDMENT) RULES 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH KENDERAAN MOTOR (PEMBINAAN DAN PENGGUNAAN)
(PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 66(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) (Pindaan) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2012.

Pindaan kaedah 15

2. Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) 1959 [*L.N. 170/1959*], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam kaedah 15 dengan memasukkan selepas subkaedah (10), subkaedah yang berikut:

“(11) Sistem brek yang dipasang pada tiap-tiap kenderaan motor hendaklah menepati spesifikasi berikut, mengikut kehendak keadaan:

- (a) United Nation Economic Commission for Europe (selepas ini disebut “UN ECE”) Regulation No. 13 Uniform Provisions Concerning the Approval of Vehicles of Categories M, N, and O with Regard to Braking;
- (b) UN ECE Regulation No. 13-H Uniform Provisions Concerning the Approval of Passenger Cars with Regard to Braking; atau
- (c) UN ECE Regulation No. 78 Uniform Provisions Concerning the Approval of Vehicles of Category L with Regard to Braking.

(12) Jika penyambung brek dan stereng dikemaskan dengan bolt atau pin, bolt atau pin itu hendaklah dikunci dengan ketat dan jika berada dalam keadaan yang tidak mendatar, kepala bolt atau pin itu hendaklah berada di bahagian atas.

(13) Brek gelendong tidak disifatkan sebagai sebahagian daripada sistem brek.

(14) Tiap-tiap pertukaran peralatan brek servis hendaklah menepati spesifikasi berikut, mengikut kehendak keadaan:

(a) UN ECE Regulation No. 90 Uniform Provisions Concerning the Approval of Replacement Brake Lining Assemblies and Drum Brake Lining for Power-Driven Vehicles and Their Trailers; atau

(b) MS 1164 Specification for Road Vehicles – Replacement Brake Lining Assemblies and Drum Brake Lining for Power-Driven Vehicles.”.

Pindaan kaedah 30

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dalam kaedah 30—

(a) dalam subkaedah (2)—

(i) dalam perenggan (c), dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; atau”, dan

(ii) dengan memasukkan selepas perenggan (c), perenggan yang berikut:

(d) UN ECE Regulation No. 75 Uniform Provisions Concerning the Approval of Pneumatic Tyres for Motorcycles and Mopeds”; dan